

# DNA taja UKM buat kajian alam sekitar

ISU berkaitan alam sekitar saban hari menjadi antara agenda penting negara untuk dipulihara memandangkan kerakusan manusia mengejar wang ringgit dan pembangunan tanpa melihat sisi buruk impak daripada tindakan tersebut.

Walaupun banyak usul dibentangkan, banyak pandangan dikongsi, namun untuk melaksanakannya perlu meneliti setiap aspek secara terperinci.

Justeru, Jawatan Profesor Kelestarian Alam Sekitar Wan Fatimah diwujudkan sejak 2016 bertujuan untuk menggalakkan pengembangan penyelidikan dan pengajaran dalam bidang alam sekitar antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pihak industri yang ditaja oleh Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd. (DNA).

Pengarah Institut Perubahan Iklim (IPI), UKM, Prof. Datuk Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah dilantik sebagai pemegang kursi sejak tiga tahun lalu.

Untuk tahun ketiga ini, penajaan Jawatan Profesor Kelestarian Alam Sekitar Wan Fatimah adalah tajaan penuh bagi jawatan profesor dengan sumbangan sebanyak RM363,582.96 berbanding tahun lalu sebanyak RM728,000 bagi tempoh dua tahun.

Naib Canselor UKM, Prof. Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, kepercayaan DNA terhadap UKM dapat diterjemahkan menerusi IPI sebagai rakan strategik untuk menyambung penajaan bagi Jawatan Profesor Kelestarian Alam Sekitar Wan Fatimah bagi tempoh satu tahun lagi.

"Penajaan ini membolehkan UKM meneruskan perkhidmatan penyelidikan dan rundingan untuk projek yang berkaitan dengan permasalahan alam sekitar terutama isu zon pantai negara.

"Saya ucapkan tahniah kerana selain memainkan peranan penting sebagai pakar teknikal dalam rundingan syarikat DNA dengan konsultan luar mengenai alam sekitar, Sharifah Mastura juga berjaya menyampaikan empat syarahan umum bertajuk *Every Map Speaks A Thousand Word, Plagiarism, Penilaian Impak Hidraulik* serta *Kaedah Menulis Laporan dan Menjana Data Hasil daripada penajaan ini*," katanya.

Beliau menyatakan demikian



IR. DR. NIK MOHD. KAMEL NIK HASSAN (tengah) menyerahkan replika cek penajaan kepada Dr. Noor Azlan Ghazali (kiri) sambil diperhatikan oleh Dr. Ibrahim Saad (dua dari kiri), Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah ( dua dari kanan) dan Ir. Suhaizan Wahid (kanan) pada majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara UKM dan Dr. Nik and Associates Sdn. Bhd, di Bangi, baru-baru ini.

pada majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara UKM dan DNA baru-baru ini. Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Tan Sri Dr Ibrahim Saad dan Pengarah Eksekutif DNA, Ir. Suhaizan Wahid.

Tambah Noor Azlan, kerjasama tersebut bukan sahaja membuktikan institusi pengajian itu memiliki kepakaran yang meyakinkan industri malah dalam kelestarian kewangan universiti.

"Dalam era hari ini, dana yang diperlukan untuk menyokong kecemerlangan universiti amat besar dan tidak mencukupi sekiranya bergantung sepenuhnya kepada kerajaan.

"Justeru itu, kami menjalin kerjasama dengan sektor swasta seperti DNA. Di samping mencapai objektif bersama, dalam masa sama, ia turut membentuk kumpulan pakar dalam bidang perundangan, penyelidikan dan perkongsian ilmu," ujarnya lagi.

Penajaan sebelum ini berjaya memberi faedah besar kepada kedua-dua pihak dengan pelaksanaan pelbagai projek merangkumi Penilaian Impak Alam Sekitar, Penilaian Impak Sosial, Penilaian Impak Perikanan serta Penilaian Ekosistem dan Alam Sekitar.

Di samping itu, penajaan tersebut berjaya memberi khidmat nasihat mengenai pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, penyediaan

pusat data mengenai alam sekitar, membina golongan yang berwibawa untuk DNA dan melantik serta mengawal selia laporan Pelan Tindakan Kecemasan.

Penajaan tersebut adalah untuk jawatan profesor yang pertama diperoleh oleh UKM dengan jumlah sumbangan mencecah RM1.09 juta bagi tempoh tiga tahun.

"Kerjasama penyelidikan yang dijalankan ini diharap bakal membantu memperkasa lagi penyelidikan di UKM setanding universiti terkemuka dunia," katanya.

Tambahnya lagi, sehingga kini sebanyak lima profesor telah ditaja sekali gus menerusi penajaan tersebut, membuktikan kepakaran dan kepintaran golongan pendidik untuk terus menabur ilmu dalam memastikan anak bangsa mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Baginya, usia yang ditetapkan untuk bersara pada 60 tahun adalah terlalu muda.

"Sepatutnya selagi mereka mampu termasuk dari segi kesihatan dan sebagainya, apalah salahnya jika perkhidmatan mereka diteruskan bagi membolehkan generasi baharu mendapat ilmu pengetahuan. Mereka perlu dikekalkan dan budaya itu perlu bermula dari sekarang. UKM telah memulakannya mengikut

jejak universiti luar negara," ujarnya lagi.

Sementara itu, Pengarah Urusan DNA, Datuk Ir. Dr. Nik Mohd. Kamel Nik Hassan memberitahu, untuk tahun ketiga ini, pihaknya mencari pembaharuan yang belum lagi diperkenal di pasaran seperti memastikan semua kajian dilihat secara keseluruhan supaya memberi impak yang lebih berkesan kepada alam sekitar dan masyarakat.

"Rakyat semakin bijak. Sedikit sahaja maklumat boleh sebarkan sama seperti isu nelayan yang menjadi buah mulut dalam kalangan orang ramai sebelum ini untuk membantu menambah pendapatan golongan tersebut apabila laut ditambak.

"Kajian yang dijalankan menunjukkan pendapatan nelayan terjejas. Kami akan usulkan kepada pihak berkuasa agar melihat secara keseluruhan. Kerajaan juga turut memperkenalkan Analisis Impak Sosial dan Penilaian Impak Trafik bagi menjayakan agenda ini," katanya.

"UKM ada kelebihan dalam akademik dan kami ada kepakaran untuk melaksanakannya. Kedua-duanya penting dan saling memerlukan agar tujuan utama penubuhan Jawatan Profesor Kelestarian Alam Sekitar Wan Fatimah mencapai objektif dan direalisasikan dengan jayanya," katanya lagi. - AQILAH MIOR KAMARULBAID